A

# Singapore Airlines Ltd v Reinu a/l Balakrishnan & Yang lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R3-12-145 TAHUN 1998
NIK HASHIM H
B 16 OKTOBER 1998

***Kontrak*** *— Ganti rugi — Kemungkiran kontrak — Perayu menuntut ganti rugi bagi kemungkiran dua perjanjian — Undang-undang Singapura adalah undang-undang yang terpakai — Responden memilih untuk tidak memberi keterangan — Sebahagian dari tuntutan tidak diplidkan — Sama ada fasal adalah fasal likuidasi atau fasal penalti —*
C *Sama ada perayu dapat menuntut keseluruhan tuntutan*

Perayu/plaintif telah membuat rayuan terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur yang telah menolak tuntutannya terhadap responden/defendan atas dasar fasal ganti rugi likuidasi bagi kemungkiran kontrak. Tuntutan perayu adalah berdasarkan
D kemungkiran defendan terhadap dua perjanjian, di mana kedua-dua tuntutan berjumlah S$65,663.86. Kedua belah pihak bersetuju bahawa undang-undang yang terpakai di dalam perjanjian-perjanjian tersebut adalah undang-undang Singapura. Semasa perbicaraan, perayu telah mengemukakan empat orang saksi berserta dengan dokumen-dokumen yang tertentu bagi menyokong kesnya manakala
E responden pula telah memilih untuk tidak memberi keterangan. Di dalam kesnya, peguam perayu telah mengatakan bahawa hakim perbicaraan telah gagal untuk mengambilkira bahawa beban pembuktian, untuk menentukan sesuatu fasal itu adalah fasal penalti, adalah terletak di bahu responden. Peguam responden pula telah
F berhujah dengan mengatakan tidak ada keterangan nyata yang menunjukkan kos sebenar yang telah dialami oleh perayu bagi membiayai kos latihan dan peralihan responden dan oleh itu, perayu tidak berhak kepada tuntutannya.

**Diputuskan**, membenarkan rayuan dengan kos:

G (1) Semasa perbicaraan, responden telah memilih untuk tidak memberi keterangan dalam mahkamah untuk menyokong pembelaannya. Oleh sebab itu, segala keterangan yang dikemukakan oleh perayu mesti dianggap benar. Justeru itu, hakim perbicaraan telah khilaf apabila beliau memutuskan
H bahawa perayu masih dikehendaki membuktikan ganti rugi yang dituntutnya itu adalah selaras dengan kerugian yang telah dialaminya akibat daripada kemungkiran responden (lihat ms 78C–D).

(2) Perayu tidak perlu membuktikan kos sebenar yang telah ditanggung olehnya akibat daripada kemungkiran responden
I kerana fasal likuidasi telah sedia menetapkan jumlah ganti rugi dengan kadar menurun dalam kontrak masing-masing (lihat ms 79C–D).

(3) Telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak bahawa undang-undang Singapura adalah terpakai dalam kes ini dan oleh yang demikian, fasal likuidasi adalah terikat sebagai pra-anggaran ganti rugi yang tulen dan patut diberi kesan oleh mahkamah. Hakim perbicaraan telah melakukan kesilapan apabila beliau gagal memberi kesan kepada perjanjian-perjanjian yang jelas mengikat kedua-dua belah pihak (lihat ms 79D–E).

(4) Perayu tidak berhak untuk mendapat keseluruhan jumlah tuntutan S$65,663.86 kerana butiran mengenai 'CPF Contributions (May and June 1993)' sebanyak S$2,148 dan 'Training Fees' sebanyak S$1,260 seperti yang dituntut di ms 357 rekod tidak diplidkan. Dengan itu, jumlah sebanyak S$3,408 hendaklah ditolak dari jumlah asal. Jumlah tuntutan yang layak dituntut oleh perayu ialah S$62,225.86 (lihat ms 79F–G).

**[English summary**

The appellant/plaintiff appealed against the decision of the learned judge of the Kuala Lumpur Sessions Court who had dismissed his claim against the respondent/defendant on the ground of the liquidation of damages clause in relation to breach of contract. The appellant's claim was based upon the breach by the defendant of two agreements, whereby both the claims amounted to S$65,663.86. Both parties agreed that the applicable law for both the agreements is the law of Singapore. During the trial, appellant produced four witnesses together with certain documents to support his case while the respondent chose not to give evidence. In his case, counsel for the appellant argued that the learned trial judge had failed to consider that the burden of proof, to determine that the particular clause is a penalty clause, rests upon the shoulder of the respondent. Counsel for the respondent submitted that there is no clear evidence to indicate the actual cost incurred by the appellant in supporting the respondent's cost of training and manoeuvring and therefore, the appellant is not entitled to succeed in his claim.

**Held**, allowing the appeal with costs:

(1) During the trial, the respondent had chosen not to give evidence in the court to support his defence. Therefore, all the evidence which is produced by the appellant must be deemed to be true. Thus, the learned trial judge had erred when he held that the appellant is still required to prove that the damages claimed is in accordance with the damages suffered as a result of the breach by the respondent (see p 78C–D).

(2) The appellant is not required to prove the actual cost incurred as a result of the breach by the respondent as the liquidation clause had already fixed the amount of damages with a decreasing rate in the respective contracts (see p 79C–D).

A (3) It has been agreed upon by both the parties that the law of Singapore is to be applied in this case and therefore, the liquidation clause is binding as a pre-estimate of the actual damages and ought to be given effect by the court. The learned trial judge had erred when he failed to give effect to the agreements which are clearly binding on both the parties
B (see p 79D–E).

(4) The appellant is not entitled to the whole S$65,663.86 claimed because the details of the 'CPF Contributions (May and June 1993)' for the amount of S$2,148 and 'Training Fees' for the amount of S$1,260 as claimed at p 357 of the record have not
C been pleaded. Thus, the amount of S$3,408 ought to be deducted from the original amount. The total amount of claims which the appellant is entitled to is S$62,225.86 (see p 79F–G).]

**Nota-nota**

D Untuk kes-kes tuntutan ganti rugi bagi pelanggaran kontrak, lihat 3 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan 1960–1968.

**Kes-kes yang dirujuk**

E *Banner Investments Pte v Hoe Seng Metal Fabrication & Engineers* [1997] 1 SLR 461 (dirujuk)

*Dunlop Pneumatic Tyre Co Ltd v New Garage and Motor Co Ltd* [1915] AC 79 (dirujuk)

*Jaafar bin Shaari & Anor (suing as administrators of the estate of Shofiah bte Ahmad, deceased) v Tan Lip Eng & Anor* [1997] 3 MLJ 693
F (dirujuk)

*Shanti Mogan* (*Shearn Delamore & Co*) bagi pihak perayu.
*Steven Wong* (*Ariffin & Partners*) bagi pihak responden.

*Cur Adv Vult*

G **Nik Hashim H**: Rayuan ini adalah terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur yang menolak tuntutan perayu/plaintif bagi ganti rugi, di atas dasar fasal ganti rugi likuidasi, bagi kemungkiran kontrak.

Perayu adalah sebuah syarikat penerbangan manakala responden/defendan adalah seorang warganegara Malaysia yang telah berkhidmat di
H syarikat penerbangan perayu sebagai seorang juruterbang. Perayu telah menuntut ganti rugi daripada responden kerana responden telah meninggalkan perkhidmatannya di syarikat penerbangan perayu. Tuntutan ganti rugi perayu adalah berdasarkan kepada dua perjanjian, iaitu: (i) perjanjian bagi latihan juruterbang ('P1'); dan (ii) perjanjian peralihan kapalterbang ('P5'). Akibat kemungkiran kedua-dua kontrak itu oleh
I responden, perayu telah membuat tuntutan ganti rugi sebanyak S$65,663.86. Menurut peruntukan di dalam P1 dan P5, kontrak-kontrak tersebut adalah tertakluk kepada undang-undang Republik Singapura.

Di dalam menentukan sama ada perayu berhak menuntut jumlah ganti rugi sebagaimana diperuntukkan di dalam fasal-fasal perjanjian-perjanjian P1 dan P5, kedua-dua peguamcara telah bersetuju bahawa undang-undang Singapura berhubung dengan isu ganti rugi likuidasi adalah terpakai, yakni:

> Under Singapore law, liquidated damages clauses *are binding* as a genuine pre-estimate of damages save where they are excessive or unreasonable such as to amount to a penalty (ms 237 perenggan 29 rekod.) (Penekanan diberi.)

Ini adalah isu yang perlu diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen. Namun demikian, hakim mahkamah sesyen telah pergi jauh dari itu dan berpegang kepada ujian, sama ada tuntutan perayu adalah keterlaluan dan tidak munasabah (extravagant and unconscionable) berbanding dengan kerugian yang dialami oleh perayu akibat kemungkiran responden. Harus diingat, dalam kes ini, pihak responden telah memilih untuk tidak memberi keterangan dalam mahkamah untuk menyokong pembelaannya. Pembelaannya bergantung kepada kekuatan kes perayu sendiri. Jadi, oleh kerana responden telah memilih untuk tidak memberi keterangan, maka segala keterangan yang telah dikemukakan oleh perayu mestilah dianggap benar (lihat penghakiman Gopal Sri Ram HMR dalam kes *Jaafar bin Shaari & Anor (suing as administrators of the estate of Shofiah bte Ahmad, deceased) v Tan Lip Eng & Anor* [1997] 3 MLJ 693 di ms 712G). Justeru, hakim mahkamah sesyen telah khilaf apabila beliau memutuskan bahawa perayu masih dikehendaki membuktikan bahawa ganti rugi yang dituntut hendaklah selaras dengan kerugian yang telah dialami akibat kemungkiran responden.

Peguamcara perayu, Cik Shanti Mogan dalam hujahnya telah mengatakan bahawa hakim mahkamah sesyen telah gagal untuk mengambilkira bahawa beban pembuktian untuk menentukan sesuatu fasal itu adalah fasal penalti adalah terletak di atas bahu responden. Saya bersetuju dengan hujah peguamcara itu. Persoalan sama ada sesuatu fasal itu adalah fasal penalti bergantung kepada pentafsiran terma-terma dan hal keadaan sesuatu kontrak itu pada masa ia dibuat.

Mahkamah Tinggi Singapura dalam kes *Banner Investments Pte Ltd v Hoe Seng Metal Fabrication & Engineers* [1997] 1 SLR 461 di ms 465 telah memutuskan:

> Where a party claims that a clause is a penalty clause, the burden is on that party to prove that claim (see *Robophone Facilities Ltd v Blank* [1966] 1 WLR 1428 at p 1447E, per Diplock LJ). To adjudicate on that claim, the court would have to consider the surrounding facts, the terms of the contract and the intention of the parties.

Dalam *Dunlop Pneumatic Tyre Co Ltd v New Garage and Motor Co Ltd* [1915] AC 79, di ms 86 Lord Dunedin berkata:

> The question whether [a clause is a penalty clause or not] is a question of construction to be decided upon the terms and inherent circumstances of each particular contract, judged as at the time of the making of the contract ... .

Pihak perayu telah membuktikan kesnya melalui keterangan empat orang saksi dan juga dokumen-dokumen sebagai sokongan. Manakala responden

pula tidak memberi apa-apa keterangan. Fasal-fasal di dalam P1 dan P5 di ms 367 dan 418 masing-masingnya menperuntukkan:

> ... to pay to SIA as *liquidated damages*. (Penekanan diberi.)

Dalam kes ini, jumlah ganti rugi yang diperuntukkan, memperlihatkan kadar yang menurun dan kedua-dua perjanjian tersebut telah dipersetujui oleh perayu dan responden. Lagipun, liabiliti dan kemungkiran perjanjian-perjanjian itu tidak pula dinafikan oleh responden. Jadi, daripada fakta-fakta tersebut, jelas menunjukkan bahawa fasal-fasal tersebut adalah fasal-fasal likuidasi dan bukan fasal-fasal penalti.

Encik Steven Wong bagi pihak responden pula berhujah bahawa tidak ada keterangan yang nyata yang menunjukkan kos sebenar yang telah dialami oleh perayu bagi membiayai kos latihan dan peralihan responden, dan oleh itu, pihak perayu tidak berhak kepada tuntutannya.

Pada hemat saya, perayu tidak perlu untuk membuktikan kos sebenar yang telah ditanggung olehnya akibat kemungkiran responden kerana fasal likuidasi telah sedia menetapkan jumlah ganti rugi dengan kadar menurun dalam kontrak masing-masingnya. Dalam penghakiman saya, fasal likuidasi dalam P1 dan P5 adalah sah dan oleh itu, ia tidak perlu kepada pembuktian kos sebenar.

Sebagaimana yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak bahawa undang-undang Singapura adalah terpakai dalam kes ini, oleh yang demikian, fasal likuidasi adalah terikat sebagai pra-anggaran ganti rugi yang tulen dan patut diberi efek oleh mahkamah, memandangkan bahawa kedua-dua perjanjian P1 dan P5 adalah tertakluk kepada undang-undang Singapura. Jadi, hakim mahkamah sesyen telah melakukan kesilapan apabila beliau gagal memberi efek kepada perjanjian-perjanjian yang jelas mengikat kedua-dua belah pihak.

Walau bagaimanapun, pihak perayu tidak berhak untuk mendapatkan keseluruhan jumlah tuntutan S$65,663.86. Butiran mengenai 'CPF Contributions (May & June 93)' sebanyak S$2,148 dan 'Training Fees' sebanyak S$1,260 seperti tuntutan dalam surat di ms 357 rekod telah tidak diplidkan. Dengan itu jumlah sebanyak S$3,408 (S$2,148 + S$1,260) hendaklah ditolak dari jumlah asal. Pihak peguamcara perayu telah bersetuju atas perkiraan ini. Jadi, jumlah tuntutan yang sebenar yang layak dituntut oleh perayu ialah S$62,255.86 sahaja.

Atas alasan-alasan tersebut, saya benarkan rayuan ini dengan kos di sini dan di mahkamah bawahan dan ketepikan penghakiman hakim mahkamah sesyen, dan memberi penghakiman kepada perayu atas jumlah S$62,255.86 serta faedah terhadap responden sepertimana penyataan tuntutan terpinda dan mengarahkan deposit jaminan kos dikembalikan kepada perayu.

*Rayuan dibenarkan.*

Reported by Mohd Rizal Abidin